

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

6. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan reputasi Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan dunia?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Rancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan reputasi Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pelancongan dunia adalah berdasarkan strategi-strategi seperti berikut:

Menggiatkan promosi pelancongan di peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam pameran pelancongan dan pameran perdagangan. Antara pameran pelancongan yang disertai adalah seperti *International Tourism Board (ITB) Berlin*, *Shanghai World Travel Fair* dan *World Travel Mart (WTM)*. Bagi pameran perdagangan antarabangsa, Kerajaan Negeri akan bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Tourism Malaysia di bawah Pavilion Malaysia.

Mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa seperti *World Tourism Cities Federation (WTCF)* dan *Asian Tourism Forum (ATF)* bagi berkongsi pengalaman Pulau Pinang dan tarikan-tarikan pelancongan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan membida supaya program-program antarabangsa dianjurkan di Pulau Pinang. Antara program yang telah berjaya dibida adalah *Asia Pacific Masters Games 2018* dan *World Seafood Congress 2019*.

Bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah bilangan penerbangan terus dengan pemberian insentif. Selain menambah laluan penerbangan terus, Kerajaan Negeri juga akan berusaha meningkatkan kekerapan penerbangan. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri telah berjaya mendapatkan sejumlah tiga (3) laluan baharu penerbangan terus iaitu dari Doha, Hat Yai dan Hanoi.

Mempertingkatkan infrastruktur dalam negeri serta penyediaan kemudahan mesra pelancong di mana Kerajaan Negeri telah melakarkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Pelan ini antara lain melibatkan *Light Rail Transit* (LRT), *Bus Rapid Transit* (BRT), Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Bawah Dasar Laut. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta meningkatkan kemudahan dan kelengkapan berkaitan.

Memberi tumpuan kepada perkembangan bidang pelancongan utama seperti pembangunan pelancongan eko dan warisan secara mampan, pelancongan *business events* dengan penyediaan tempat persidangan dan pameran baharu, pelancongan perubatan dengan kerjasama erat pihak swasta dan pelancongan pendidikan dengan menarik universiti asing untuk mendirikan kampus di Pulau Pinang.

Menggalakkan dan meningkatkan produk-produk tarikan pelancong yang bertaraf antarabangsa seperti pembangunan *The Top* di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) dengan tarikan seperti *Rainbow Skywalk* dan *The Gravityz*, Projek *The Habitat* di Bukit Bendera dengan *Canopy Walk* dan *Tree Top Walk* dan Projek *Entopia*. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan aktiviti *glamping* yang membolehkan para pelancong menikmati pengalaman alam semula jadi dengan penginapan moden dan selesa. *Glamping* akan ditempatkan di sekitar hutan Teluk Bahang yang dikenali sebagai “*Boulder Valley*” tanpa merosakkan alam

sekitar dan sistem ekologi.